

**KEPUTUSAN KES RAYUAN JENAYAH**

**KE ATAS**

**XXXXXX**

**LAWAN**

**KETUA PENDAKWA SYARIE MELAKA**

*Undang-Undang Mahkamah Syariah-Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1991-Kesalahan Takzir-Rayuan hukuman pemenjaraan.*

Peguam Syarie

Perayu : Tuan Hj Mohtar Bin Karim daripada Tetuan Mohtar & Co.

Responden : Pendakwa Syarie

**Kitab-Kitab Yang Dirujuk**

1. Kitab محرمات استحان بها الناس يجب الحذر منها karangan al-Allamah as-Syeikh Abdullah ibnu Abdul Aziz al-Baz, hlmn 40, cetakan Dar Al-Mana
2. Kitab al Tasyri' al-Jina'ie al-Islami: Muqaranah Bi al-Qanun al-Wadh'ie, Muassasah al-Risalah, Beirut, cet.6 (1405H/1985) Jilid 1 hlm. 685 oleh Abdul Qadir Audah
3. Kitab al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuhu oleh Dr. Wahbah al-Zuhayli hlm 5592 Jld. 7 cetakan 1997
4. Tafsir Fi Zilalil Quran oleh As Syahid Sayyid Qutb Rahimahullah Jilid 3 muka surat 228

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

## **Undang-Undang Yang Dirujuk**

1. Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.
2. Seksyen 96(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002
3. Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002
4. surat al Nisa' ayat 17
5. surat al-Maidah ayat 39

## **Kes-Kes yang Dirujuk**

1. XXXXXX lwn Pendakwa Syarie Negeri Sembilan JH 16(1) muka surat 41
2. XXXXXX lwn Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan JH 7(2)
3. XXXXXX lwn Timbalan Pendakwa Mahkamah Syariah Selangor JH 2(2) muka surat 281
4. XXXXXX vs PP [2011] 3 CLJ 510

## **Alasan Penghakiman Oleh Y.A.A Datuk Mahammad bin Ibrahim Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka**

1. Dalam kes ini Perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Jasin Melaka dan merayu ke Mahkamah Tinggi Syariah terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara pada 12 April 2011.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

2. Berdasarkan fakta kes, Perayu XXXXXX telah disabitkan di atas pertuduhan bahawa Perayu pada 28 Julai 2005, di rumah beralamat 152 Jalan Melaka Batu 14 di dalam Daerah Jasin di dalam negeri Melaka, didapati bersama kakak kamu XXXXXX berkurung mendatangkan syak dengan seorang lelaki bernama XXXXXX. Mereka disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

Perayu telah disabitkan kerana telah menyalahi dan melakukan kesalahan di bawah seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

Hakim Bicara telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman terhadap Perayu dengan denda RM400.00, jika tidak bayar, sebulan penjara dan penjara 7 hari. Pengsabitkan Perayu dalam kes ini di bawah peruntukan Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

***Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991  
memperuntukkan seperti berikut:-***

“ Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana Undang-undang bertulis lain, Mahkamah bolehlah mengenakan hukuman takzir ke atas mana-mana orang yang melakukan

kesalahan di hukum syara' yang tidak diperuntukkan oleh Enakmen ini dan apabila disabitkan orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi hukuman lima ratus ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali”.

3. Di dalam kes ini Perayu telah didapati sabit berkurung dengan seorang lelaki yang bukan ada ikatan kekeluargaan atau perkahwinan dengannya. Pengurungan di antara lelaki dan perempuan adalah satu perlakuan yang bertentangan dengan hukum syarak.
4. Sabda Rasulullah SAW:

“ Jauhilah diri kamu daripada bersunyi-sunyian dengan perempuan yang tidak halal bagi kamu (perempuan ajnabi), demi sesungguhnya diriku di bawah kekuasaannya (Allah), Tidak bersunyi-sunyian lelaki dengan perempuan yang tidak halal baginya (ajnabi) melainkan akan bersama dengan mereka itu syaitan. Demi Allah, sesungguhnya berpluk-peluk seorang lelaki dengan seekor baby yang berlumuran dengan lumpur busuk adalah lebih baik daripada berkepit-kepit dengan perempuan yang tidak halal baginya.

5. Merujuk di dalam kitab *محرمات استحان بها الناس يجب الحذر منها* karangan al-Allamah as-Syeikh Abdullah ibnu Abdul Aziz al-Baz, hlmn 40, cetakan Dar

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Al-Manar beliau ada menyebut hukum berkhalwat dengan perempuan ajnabi seperti katanya:-

### الخلوة بالأجنبية

الشیطان حریص علی فتنة الناس وإیفاعهم فی الحرام ولذلك حذرنا الله سبحانه بقوله ( یا أيها الذین آمنوا لا تتبعوا خطوات الشیطان ومن یتبع خطوات الشیطان فإنه یأمر بالفحشاء والمنکر )

( النور : 21 )

Syaitan saban waktu bersungguh-sungguh mengatur strategi menggoda manusia agar terjatuh ke lembah haram.

Allah Taala telah memperingatkan kita tentang taktik kotor dan jahat syaitan ini menerusi Firmannya yang berbunyi:-

( یا أيها الذین آمنوا لا تتبعوا خطوات الشیطان ومن یتبع خطوات الشیطان فإنه یأمر بالفحشاء والمنکر )

( النور : 21 )

Maksudnya : wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan, barangsiapa mengikut jejak langkah syaitan, maka ingatlah bahawasanya syaitan itu sentiasa mengajak melakukan perkara keji dan mungkar.

As Syeikh Abdullah Bin Baz menegaskan bahawa:

والشيطان يجري من ابن آدم مجرى الدم ، ومن سبل الشيطان في الإيقاع في الفاحشة الخلوّة

بالأجنبية ، ولذلك سدّت الشريعة هذا الطريق كما في قوله صلى الله عليه وسلم :

" لا يخلون رجل بأمرأة إلا كان ثالثهما الشيطان "

رواه الترمذي

Makhluk yang bernama syaitan boleh meresapi ke tubuh anak adam menerusi peredaran darah. Di antara taktik syaitan yang boleh menjerumuskan anak adam ke lembah keji ialah dengan cara menggoda lelaki berkhalwat dengan perempuan yang tidak halal baginya (perempuan ajnabi).

Oleh sebab itulah syarak mengambil langkah awalan menutup segala bentuk jalan-jalan syaitan tersebut sebagaimana sabda Baginda Rasulullah SAW:

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

" لا يخلون رجل بأمرأة إلا كان ثالثهما الشيطان "

رواه الترمذي

" Tidak ada seorang lelaki berkhalwat dengan perempuan ajnabi melainkan yang ketiganya ditemani oleh syaitan"

Riwayat Imam al-Tirmizi

Dan Sabda Rasulullah SAW:

وعن ابن عمر رضى الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم قال :

لا يدخلن رجل بعد يومي هذا على مغيبة إلا ومعه رجل أو إثنان

رواه مسلم

Daripada Abdullah Ibnu Umar bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

"Tidak dibenarkan sekali-kali seorang lelaki selepas hari ini masuk bersama dengan seorang perempuan ajnabi melainkan ditemani oleh seorang lelaki atau dua orang lelaki lain.

Di dalam Kitab" " محرمات إستهان بها الناس يجب الحذر منها "

karangan al Allamah as-Syeikh Abdullah Ibnu Abdul

Aziz Al-Baz ada menyebut:-

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

فلا يجوز لرجل أن يختلي في بيت أو حجرة أو سيارة بإمرأة أجنبية عنه ، وكثير من الناس يتساهلون في هذا ، إما ثقة بنفسه أو بغيره فيترتب على ذلك الوقوع في الفاحشة أو مقدماتها وتزداد مأساة إختلاط الأنساب وأولاد الحرام

Haram seseorang lelaki bersunyi-sunyian di dalam rumah atau bilik atau di dalam kereta dengan seorang perempuan yang ajnabi.

Amat menyedihkan lagi..Begitu ramai manusia di zaman ini mengambil mudah dalam masalah ini, perkara seperti ini (berdua-duaan dengan perempuan yang bukan mahramnya) amat membahayakan samada berkeyakinan boleh memlihara diriya daripada melakukan perkara terkutuk atau pun berkeyakinan bahawa orang lain boleh mengawasinya...kerana ia boleh mengundang perbuatan jenayah zina atau muqaddimah kepada zina, keadaan ini bertambah runcing apabila lahir anak dari percampuran nasab yang tidak halal atau lahirnya anak-anak zina (tak sah taraf) hasil daripada persteubuhan haram di antara pasangan lelaki perempuan.

Berdasarkan kepada Firman Allah SWT, hadith dan pendapat ulama' yang telah dinyatakan di atas bahawa bersunyi-sunyian antara perempuan dengan lelaki yang bukan mahram adalah haram kerana perlakuan

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**



tersebut boleh menjurus kepada perbuatan zina. Ini adalah kerana orang yang ketiga selepas lelaki dan perempuan tersebut adalah syaitan yang sentiasa menghasut manusia untuk melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Maka, jalan yang paling selamat daripada godaan syaitan tersebut adalah seseorang perlu menghindari daripada bersunyi-sunyian dengan lelaki atau perempuan yang tiada pertalian darah kekeluargaan atau perkahwinan kerana syaitan akan sentiasa membisik perkara-perkara yang lagho agar kita lalai daripada mengingati Allah dan melakukan perkara yang terkutuk. Nauzubillah.

6. Di dalam rayuan ini Perayu telah mengemukakan beberapa alasan agar rayuan Perayu di mahkamah ini dipertimbangkan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Bicara. Alasan rayuan dinyatakan sebagai berikut:-

- i) Yang Arif Tuan Hakim Bicara telah Khilaf dari segi fakta dan undang-undang di dalam menjatuhkan hukuman penjara terhadap Perayu tanpa memberi ruang dan peluang kepada Perayu untuk mendapatkan nasihat perundangan yang secukupnya.

- ii) Yang Arif Tuan Hakim Bicara gagal memberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya dalam menjatuhkan hukuman ke atas Perayu dengan tidak mengambil kira faktor pengakuan bersalah Perayu secara sukarela dan kesalahan yang dilakukan oleh Perayu merupakan kesalahan pertama kali.
  - iii) Yang Arif Tuan Hakim Bicara telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam menjatuhkan hukuman dengan menetapkan hukuman denda RM400.00 jika tidak dibayar penjara sebulan DAN tujuh (7) hari penjara.
  - iv) Tertuduh telah insaf dan menyesali akan perbuatannya serta sedang berusaha untuk mengubah dirinya menjadi seorang insan yang berguna dan seorang mukin yang baik.
7. Seterusnya berdasarkan alasan-alasan rayuan berikut, Mahkamah akan meneliti dan menilai serta menimbangkan sama ada Hakim Bicara telah membuat keputusan yang wajar dan tepat atau tidak. Oleh itu berpandukan hujahan bertulis Perayu dan Pendakwa dan rekod rayuan, alasan rayuan Perayu serta meneliti dokumen-dokumen yang dijadikan sebagai ekshibit maka Mahkamah Tinggi Rayuan akan melihat bagaimana keputusan ini telah dibuat dan diputuskan. Mahkamah Tinggi rayuan seterusnya akan melihat juga alasan-alasan yang telah dinyatakan Hakim Bicara dalam alasan penghakimannya dalam mensabitkan kesalahan Perayu serta dalam mempertimbangkan hukuman ke atas Perayu.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

8. Berdasarkan rekod rayuan dan fakta kes pihak Perayu dalam kes ini telah disabitkan kesalahan berkurung mendatangkan syak dengan seorang lelaki yang bukan mahram di bawah seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Pengsabitan Perayu adalah atas pengakuan Perayu atau iqrar sendiri berdasarkan pengakuan bersalah di dalam catatan Hakim di muka 8 catat rekod rayuan.
  
9. Mahkamah Tinggi Rayuan melihat dan merujuk bahawa Hakim Bicara dalam penghakimannya juga di muka surat 8 rekod rayuan telah menyatakan bahawa pengsabitan Perayu adalah di bawah Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Ini adalah berdasarkan pengakuan bersalah Perayu sendiri mengikut peruntukan Seksyen 96(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002 yang menyatakan sebagaimana berikut:-

96(b) Tatacara dalam perbicaraan.

- (b) Jika tertuduh mengaku bersalah atas sesuatu pertuduhan sama ada atas pertuduhan asal atau yang dipindaakuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atas kesalahan itu.

Dengan syarat bahawa sebelum sesuatuakuan bersalah direkodkan Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat

dan akibat daripada akuannya itu dan dia berniat untuk mengakui tanpa bersyarat, kesalah yang dikatakan terhadapnya itu.

10.Y.A. Hakim Bicara juga dalam penghakimannya muka surat 7 rekod rayuan menyatakan bahawa "setelah mendengar pertuduhan yang dikenakan atas kamu, kamu faham pertuduhan tersebut kesan dan juga akibat pengakuan salah dan juga turut setuju dengan fakta kes yang dibacakan dengan mengaku salah tanpa dipaksa oleh sesiapa. Oleh yang demikian, Mahkamah dengan ini sabitkan kamu adalah bersalah di bawah Seksyen 92 EKSNM 1991".

11.Justeru, Mahkamah ini berpuas hati atas keputusan Y.A. Hakim Bicara dalam mensabitkan kesalahan Perayu. Kerana ianya adalah selaras dengan prosedur undang-undang dan hukum syarak. Pendakwa telah membuktikan dakwaannya terhadap kesalahan Perayu/tertuduh. Perayu telah mengakui kesalahannya serta memahami sifat dan akibat daripada pengakuannya tanpa bersyarat.

12.Kehendak Syarak' menyatakan bahawa penentuan beban bukti adalah terletak kepada orang yang mendakwa telah diperuntukkan dalam Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 seperti berikut:-

- i) Sesiapa berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau liabiliti di sisi undang-undang yang bergantung pada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.
- ii) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

13. Dalam kes ini, Pendakwa telah membuktikan bahawa kesemua fakta-fakta yang dikehendaki telah dibuktikan dalam kes tersebut. Manakala dan pihak Perayu telah mengaku atas pertuduhan yang telah dipertuduhkan ke atasnya.

14. Berdasarkan kepada pengakuan Perayu tanpa paksaan dan Perayu memahami pertuduhan yang dibacakan serta memahami sifat dan akibat daripada pengakuannya. Maka pengakuan tersebut adalah sabit sebagai (iqrar). Ianya menepati kehendak Hukum Syarak' dan Undang-Undang. Mahkamah Tinggi ini berpendapat bahawa pensabitan melalui iqrar merupakan salah satu keterangan yang cukup kuat dan mengikat orang yang melafazkan iqrar tersebut. Ini adalah kerana maksud iqrar tersebut dari segi syarak bermakna pemberitahuan tentang sabitan sesuatu hak untuk orang lain di atas dirinya sendiri. Ini menjelaskan bahawa dengan iqrar yang dibuat Perayu telah mengikat dirinya sendiri. Melalui

penyataan ikrar tersebut membolehkan Mahkamah Bicara mensabitkan kesalahan Perayu.

15. Walau bagaimanapun setelah diteliti terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas Perayu. Maka timbul persoalan mengenai isu fakta yang menjadi sandaran Hakim dalam menjatuhkan hukuman berat terhadap Perayu walaupun secara jelas Perayu telah mengakui kesalahannya dan benar-benar insaf dan bertaubat serta merayu agar hukuman ke atasnya diringankan.

16. Peguam Perayu berhujah bahawa Perayu telah melakukan kesalahan pertama kali dan Perayu belum berkahwin dan baru sahaja bekerja di Restoran Pizza Hut Segamat untuk menanggung dirinya dan menolong ahli keluarganya. Perkara ini sekaligus menjadikan masa depan Perayu terjejas dan gelap sekiranya hukuman penjara diberikan terhadap Perayu.

17. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Pendakwa bahawa Hakim Bicara telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM400.00 dan penjara setelah mendapati kesalahan yang dilakukan tersebut adalah berat.

- i) Perayu telah membuat pengakuan secara ikrar di atas kesalahannya;
- ii) Sabitan kesalahan Perayu adalah kesalahan takzir dan hukuman ini adalah satu jalan atau cara untuk mengelak dan mengekang kesalahan yang lebih besar lagi. Ini adalah sebagaimana yang

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

terkandung dalam Surah Al-Isra' ayat 32 dan Hadith Rasulullah SAW yang melarang keras seorang lelaki itu berkhalwat dengan perempuan yang bukan mahramnya;

- iii) Natijah daripada perbuatan tertuduh akan merosakkan dirinya sendiri dan mencemarkan maruah keluarganya. Sikap dan perbuatan yang dilakukan oleh Perayu bukan sahaja mengecewakan keluarganya malah memporakperandakan kehidupan keluarga dan juga diri Perayu sendiri.
- iv) Perayu adalah seorang yang telah mumayyiz yang dapat membezakan mana yang baik dan yang tidak baik. Perayu juga seorang mukallaf yang mesti bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukannya.

18. Dalam mempertimbangkan rayuan Perayu Mahkamah Tinggi (Rayuan) melihat dan berpendapat, oleh sebab Perayu dalam kes ini telah mengaku bersalah terhadap kesalahan yang dituduh terhadapnya tanpa syarat dan di hadapan Hakim Bicara. Maka saya berpendapat bahawa Perayu sebagai tertuduh juga telah membantu sama ada dari segi masa dan tenaga pihak yang terlibat termasuklah Mahkamah sendiri menjimatkan masa dan kos. Mahkamah juga meneliti dan merujuk keinsafan Perayu dalam kes ini juga hendaklah diambil kira memandangkan kesalahan yang dilakukan dalam kes ini adalah kesalahan bagi hukum 'takzir'. Pengertian 'takzir' bermaksud penolakan dan pencegahan dan tujuan utama

pelaksanaan 'takzir' dalam syariat Islam ialah pencegahan dan pengajaran di samping pemulihan dan memberi pendidikan.

19. Abdul Qadir Audah dalam kitabnya al Tasyri' al-Jina'ie al-Islami: Muqaranah Bi al-Qanun al-Wadh'ie, Muassasah al-Risalah, Beirut, cet.6 (1405H/1985) Jilid 1 hlm. 685 menjelaskan hukum ta'zir seperti berikut:

التعزير هو تأديب على ذنوب لم تشرع فيها الحدود أي: هو عقوبة على جرائم لم تضع  
الشريعة لأيتها عقوبة المقدره

Bermaksud:

Ta'zir adalah memberi pengajaran ke atas dosa-dosa yang tidak diterangkan padanya hukum hudud iaitu keseksaan ke atas kesalahan-kesalahan yang tidak diletakkan oleh Syariah sebagai keseksaan yang tertentu.

20. Pelaksanaan ta'zir juga adalah bergantung pada kesalahan yang dilakukan dan atas budi bicara pemerintah atau Hakim. Ini dinyatakan oleh Dr. Wahbah al-Zuhayli hlm 5592 Jld. 7 cetakan 1997 al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuhu:-

ويقوم بالتعزير ولي الأمر أو نائبه ويكون التعزير اما بالضرب أو بالحبس أو بالتوبيخ ونحوها بحسب ما يراه ولي الأمر رادعا للشخص بحسب اختلاف حالات

الناس



Bermaksud:

Hukuman Ta'zir dijalankan oleh pemerintah, orang yang dilantik oleh Pemerintah atau pemangkunya. Ia dibuat dalam bentuk pukulan, tahanan atau penghinaan dengan perkataan dan sebagainya yang mengikut pada pandangan pemerintah dapat menakutkan seseorang dengan mengambil kira perbezaan keadaan kedudukan seseorang.

21. Berdasarkan pandangan ulama' tersebut di atas, hukuman ta'zir merupakan hukuman yang dijalankan dan mengikut pandangan pemerintah. Maka pelaksanaan adalah bertujuan bagi menakutkan dan mengta'dibkan ke atas orang yang melakukan kesalahan. Pengajaran ini adalah mengikut atau mengambil kira perbezaan kedudukan seseorang. Maka dalam kes ini, dalam menjatuhkan hukuman ke atas Perayu sewajarnya Y.A. Hakim Bicara mengambil pertimbangan pengakuan Perayu dan keinsafannya terhadap kesalahan yang di lakukannya. Dalam kes ini hukuman yang dijatuhkan terhadap Perayu, iaitu denda maksimum RM400.00 dan penjara selama 7 hari. Jika gagal membayar denda hendaklah dipenjarakan selama sebulan penjara.

22. Mahkamah Tinggi berpendapat dalam menimbangkan sesuatu hukuman, antara prinsip dan faktor yang utama adalah kepentingan umum ataupun "masalah ammah". Ianya bergantung kepada beratnya kesalahan yang

dilakukan Perayu. Iaitu sama ada Perayu/tertuduh seorang yang tidak mahu bertaubat ataupun sebaliknya. Perkara yang kedua, kesalahan kali pertama Perayu ataupun kesalahan berulang. Perkara yang ketiga yang perlu dipertimbangkan ialah rayuan Perayu untuk peringanan hukuman. Oleh itu saya berpendapat bahawa rayuan Perayu yang telah mengaku bersalah dan berasa insaf serta bertaubat atas kesalahan yang telah dilakukannya hendaklah diambil kira dalam membuat pertimbangan rayuan tersebut.

23. Justeru itu, sewajarnya Perayu patutlah diberi peluang atas keinsafannya. Sebagaimana Firman Allah s.w.t. dalam surat al-Maidah ayat 39:-

فمن تاب من بعد ظلمه وأصلح فإن الله يتوب عليه إن الله غفور رحيم

Bermaksud: “ Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan dan memperbaiki amal usahanya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya.”

Begitu juga dalam surat al Nisa’ ayat 17:-

إنما التوبة على الله للذين يعملون السوء بجهالة ثم يتوبون من قريب فأولئك يتوب الله عليهم وكان الله عليماً حكيماً

Bermaksud:-

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

“Sesungguhnya penerimaan taubat itu oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya: dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

24. Namun di sini timbul persoalan adakah Perayu jahil semasa melakukan kesalahan tersebut. Kesalahan berkurung dengan seorang yang bukan muhrim sehinggakan mendatangkan syak adalah perbuatan yang Perayu sendiri ketahui kesan dan akibatnya. Jahil di sini bermaksud tidak mengetahui bahawa perlakuannya adalah salah dari segi hukum syarak. Maka timbul persoalan di sini adakah diterima pengakuan dan penyesalannya di sini sekiranya diri sendiri sudah mengetahui bahawa perbuatannya itu salah.

25. Merujuk kepada ***Tafsir Fi Zilalil Quran oleh As Syahid Sayyid Qutb Rahimahullah Jilid 3 muka surat 228*** menerangkan tentang ayat di atas bahawa taubat yang diterima oleh Allah dan disanggupi menerimanya ialah taubat yang terbit dari lubuk kati. Ini membuktikan bahawa hati itu adalah hati yang baru iaitu hati yang telah digoncangkan oleh penyesalan yang sedalam-dalamnya hingga menjadikannya benar-benar sedar, insaf, dan bertaubat. Sedangkan dalam usia yang lapang dan cita-cita yang lebar, di mana satu keinginan yang sebenar untuk

membersihkan dirinya telah muncul di samping niat yang sebenar untuk menjalani hidup yang baru.

26. Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang melakukan kejahatan ialah orang-orang yang melakukan dosa-dosa. Di sana para mufassirin hampir-hampir sepakat bahawa yang dimaksudkan dengan kejahilan di sini ialah kesesatan dari jalan hidayat sama ada panjang atau pendek masanya selama tidak berterusan sehingga roh sampai ke halqum. Yang dimaksudkan dengan "bertaubat dalam masa yang dekat" ialah orang-orang yang bertaubat kepada Allah sebelum berdepan dengan maut dan memasuki alam naza'nya. Iaitu sebelum mereka merasa berada di ambang maut kerana taubat ini merupakan taubat kerana menyesal dan kerana menarik diri dari kesalahan dan menyatakan niat untuk mengerjakan amalan yang salih dan menghapuskan dosa.

27. Allah SWT tidak memburu hamba-hambanya yang lemah dan tidak menyingkirkan mereka apabila mereka bertaubat dan kembali semula kepadanya. Taubat akan memberi faedah kepada Perayu, mengislahkan hidup mereka dan hidup masyarakat yang dihayati mereka. Oleh sebab itulah Allah melapangkan peluang kepada mereka supaya pulang semula ke landasan yang benar lagi suci dengan bertaubat dan membersihkan diri mereka.

28. Yang dimaksudkan dengan kejahilan adalah bukan jahil yang tidak mengetahui tentang kesalahan tersebut tetapi kejahilan yang berada di

jalan kesesatan. Maka di dalam kes ini Mahkamah berpendapat bahawa Perayu telah bertaubat dengan mengakui kesalahannya.

29. Jelasnya berdasarkan ayat tersebut, sesungguhnya Allah s.w.t. menerima hambanya yang bertaubat. Oleh itu, dalam Mahkamah mendengar rayuan pengakuan taubat seseorang ke atas sesuatu jenayah yang dilakukannya adalah menjadi budi bicara seorang hakim. Hakim hanya menimbangkan keterangan-keterangan dan gambaran yang zahir sahaja dalam membuat dan menimbangkan keputusan yang berada di hadapannya. Sementara perkara yang sebenarnya dan di sebaliknya hanya Allah s.w.t. sahaja yang mengetahuinya. Sebagaimana maksud hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud:-

“Kami disuruh menghukum mengikut apa yang zahir sahaja dan Allah jua yang mengetahui segala yang tersembunyi”

Hadis tersebut juga menghuraikan hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim:

حدثنا عبد الرحمن بن أبي نعم قال : سمعت أبا سعيد الخدري يقول : بعث علي بن طالب رضي الله عنه الى رسول الله صلى الله عليه وسلم من اليمن بذهيبينة في أديم مقروظ لم تحصل من ترابها, قال: فقسمها بين أربعة نفر: بين عيينة بن بدر و أقرع بن حابس وزيد الخيل والرابع اما علقمة واما عامر بن الطفيل فقال رجل من أصحابه : كنا نحن أحق هذا من هؤلاء فبلغ ذلك النبي صلى الله عليه

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

وسلم : ألا تأمنوني وأنا أمين من في السماء يأتيني خبر السماء صبا حا ومساء ؟  
قال : فقام رجل غائر العينين مشرف الو جنتين ناشز الجبهة كث اللحية مخلوق  
الرأس مشمر الأزار فقال : يا رسول الله اتق الله وقال : ويلك , أولست أحق أهل  
الأرض أن يتقي الله؟ قال ثم ولى الرجل . قال خالد بن الوليد : يا رسول الله ألا  
أضوب عنقه؟ قال : لا , لعله أن يكون يصلي فقال خالد : وكم من مصل يقول  
بلسانه ما ليس في قلبه . قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : اني لم أومر أنقب  
قلوب الناس ولا أشق بطونهم . قال : ثم نظر اليه وهو مقف فقال : انه يخرج من  
ضئضىء هذا قوم يتلون كتاب الله رطبا لا يجاوز حناجرهم يمر قون من الدين  
كما عيرق السهم من الرمية . وأظنه قال : لئن أدركتهم قتل عثود .

Bermaksud:

“Diriwayatkan daripada Abd Rahman bin Abi Nuim berkata: aku mendengar Abu Said al-Khudriy berkara: “diutuskan Ali bin Abi Talib kepada Nabi s.a.w. dari Yaman dengan membawa sepotong emas di dalam kulit yang disemak dengan daun salam, seraya emas itu belum dibersihkan dari debunya. Dia berkata: lalu Ali membahagikan emas itu di antara empat orang, iaitu Uyainah bin Badr, Aqra’ bin al Habs’, Zai dal Khail dan yang keempat sama ada al Qamah atau Amir bin Thufail. Lalu seorang lelaki dari teman-temannya berkata: “kami adalah lebih berhak daripada mereka.” Lalu hal itu sampai kepada Nabi s.a.w. lalu baginda bersabda “tidakkah kalian mempercayai, pada

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

hal aku adalah a'min di langit, sampai kepada ku berita dari langit pagi dan petang." Abu Said berkata "berdirilah seorang lelaki yang cengkung kedua matanya, montok pipinya, menonjol dahinya, tebal janggutnya, bercukur kepalanya dan tersingsing kain sarungnya, lalu dia berkata: "wahai Rasulullah, takwalah kepada Allah." Beliau bersabda : "celakalah kamu, bukankah aku adalah penduduk bumi yang paling benar-benar bertakwa kepada Allah? Kemudian dia berkata: lelaki itu berpaling. Khalid bin Walid berkata: "Wahai Rasulullah, tidak bolehkah saya memenggal lehernya? "Baginda menjawab: "jangan barangkali dia solat." Lalu Khalid bin Walid berkata: "berapa ramai orang yang solat yang mengucapkan sesuatu yang tidak sesuatu dengan isi hatinya." Rasulullah s.a.w. menjawab : "sesungguhnya aku tidak diperintahkan untuk meneliti isi hati manusia dan tidak pula untuk membelah perut mereka." Abu Said berkata: "kemudian beliau melihat lelaki itu seraya baginda memalingkan tengkuk beliau, lalu bersabda: "Sesungguhnya dari keturunan orang inilah akan keluar suatu kaum yang membaca kitab Allah dengan keadaan basah (oleh keringat) sedangkan bacaan itu tidak melampaui kerongkong mereka. Mereka keluar dari agama Islam sebagaimana keluarnya anak panah dari binatang buruan yang terkena panah." Dan saya (Abu Said)menyangka baginda bersabda: "sesungguhnya seandainya aku menjumpai mereka pasti aku membunuh mereka seperti dibunuhnya kaum Tsamud."

(Hadis Sahih al-Bukhari, halaman: 84-85)

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Hadis di atas memberi maksud bahawa sesuatu keputusan atau hukuman yang dikeluarkan oleh hakim adalah berdasarkan bukti atau keterangan yang dikemukakan di hadapan hakim sahaja. Hakim tidak mempunyai obligasi untuk menyiasat secara dalam-dalam sesuatu fakta atau perkara yang dipertikaikan di luar pengetahuannya. Ini adalah kerana Allah sahaja yang Maha mengetahui perkara yang tersembunyi di sebalik kebenaran atau kebatilan.

30. Mahkamah Tinggi (Rayuan) juga pada hari ini mempertimbangkan rayuan Perayu, berdasarkan tanggungan Perayu terhadap diri dan keluarga Perayu. Ini adalah kerana Perayu adalah orang yang mencari sumber rezeki untuk keluarga Perayu. Seterusnya Perayu telah insaf bertaubat maka saya berpendapat dengan hukuman denda tersebut dapat memberi pengajaran (ta'dib) kepada Perayu. Saya menasihati Perayu agar betul-betul insaf serta bertaubat nasuha kepada Allah dan berjanji pada diri Perayu tidak akan melakukan dan mengulangi lagi perbuatan yang telah dilakukan.

31. Mahkamah merujuk kepada kes **XXXXXX Iwn Pendakwa Syarie Negeri Sembilan JH 16(1) muka surat 41** di mana kes tersebut adalah merupakan rayuan untuk mengeneipkan hukuman penjara yang dikenakan ke atas Perayu iaitu selama 10 bulan. Setelah Hakim Rayuan meneliti segala sabitan kesalahan atas pengakuan salah Perayu atas



kesalahan khalwat, maka Hakim Rayuan telah mengeneipkan hukuman penjara dan telah menukarkan hukuman kepada denda sebanyak RM2,000.00.

32. Mahkamah juga merujuk kepada kes **XXXXXX Iwn Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan JH 7(2) muka surat 203**. Di dalam kes tersebut Tan Sri Ahmad Ibrahim memutuskan bahawa hukuman penjara untuk masa yang pendek seperti satu bulan tidak dapat menolong memulihkan Perayu dan hakim rayuan berpendapat bahawa mereka boleh memberi pengiktirafan kehakiman kepada keadaan di mana penjara penuh sesak dengan banduan remand dan tempoh pendek. Oleh kerana itu hakim rayuan di dalam kes tersebut berpendapat bahawa hukuman denda maksimum iaitu RM500.00 adalah mencukupi dan kami mengeneipkan hukuman penjara. Hakim rayuan juga telah menasihati Perayu agar bertaubat dan berazam untuk tidak melakukan perkara keji itu.

33. Mahkamah juga ingin merujuk kepada kes **XXXXXX Iwn Timbalan Pendakwa Mahkamah Syariah Selangor JH 2(2) muka surat 281** di mana Mahkamah Rayuan di dalam kes tersebut telah menukarkan hukuman penjara 30 hari kepada hukuman denda sebanyak \$300 atau penjara sebulan kerana mengambil pengakuan salah Perayu.

34. Di dalam kes tersebut Perayu telah disabitkan kesalahan khalwat dan dihukum penjara selama 30 hari tanpa denda. Perayu merayu ke Mahkamah Rayuan (pada masa tersebut dikenali sebagai Jawatankuasa UlangBicara) dan Hakim Rayuan telah menyatakan antara lain.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

*" Sekiranya ia dipenjarakan adakah ini bagi kepentingan umum, dan adakah kesalahan khalwat akan terkawal di seluruh negeri? Adalah menjadi pengetahuan umum, bahawa khalwat sudah lama bermaharajalela terutama di bandar-bandar besar di negeri ini, tetapi malangnya pihak yang berkenaan tidak mengambil tindakan tegas dan selagi tindakan tidak diambil pada keseluruhannya dengan tidak berdasarkan kepada beza membeza, keadilan tidak akan tercapai".*

35. Mahkamah ingin merujuk kepada kes **XXXXXX vs PP [2011] 3 CLJ 510**, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa hukuman dikurangkan ke atas Perayu adalah kerana Perayu telah mengaku bersalah. Seiring untuk menjaga kebajikan umum, pengakuan salah Perayu telah menjimatkan masa dan kos Mahkamah. Maka hukuman telah dikurangkan ke atas Perayu.

### **KEPUTUSAN**

Setelah membaca, mendengar dan meneliti hujah kedua-dua pihak dan rekod rayuan alasan rayuan Perayu, serta meneliti dokumen-dokumen yang dijadikan sebagai ekshibit maka saya dengan ini membuat keputusan seperti berikut:

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- 1. Rayuan Perayu di terima, hukuman denda daripada RM400.00 dinaikkan kepada RM500.00 dan hukuman penjara ke atas Perayu diketepikan.**
- 2. Sekiranya denda telah dibayar sebanyak RM400.00 maka Perayu diperintahkan membayar denda yang berbaki sebanyak RM100.00**
- 3. Perintah ini berkuatkuasa serta merta.**